



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	21/2/2011

Tun M sokong had bilangan

JOHOR BAHRU: Tun Dr Mahathir Mohamad menyokong cadangan menghadkan bilangan parti politik di negara ini, seperti dicadangkan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysian (JPPM) kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Dr Mahathir berkata, bilangan terlalu banyak boleh menyebabkan tiada mana-mana parti memenangi bilangan kerusi mencukupi untuk menubuhkan kerajaan.

"Jika banyak sangat (parti), rakyat akan berpecah dan tidak ada satu parti pun yang mempunyai cukup bilangan (kerusi) untuk mendirikan kerajaan, sebab itu di sesetengah negara, hanya ada dua parti saja, jadi mana-mana satu akan tetap ada kelebihan untuk mendirikan kerajaan.

"Namun, sistem dua parti pun ada masalah, sebab itu saya melihat sistem kita setakat ini cukuplah, saya fikir saya setuju (cadangan supaya tiada lagi parti politik baru diluluskan)," katanya.

Beliau mengulas JPPM yang mengemukakan cadangan kepada KDN supaya tidak lagi meluluskan parti politik baru di negara ini sebagai tambahan kepada 33 parti sedia ada termasuk di Sabah dan Sarawak.

Pendaftar Pertubuhan, Datuk Abdul Rahman Othman, dilaporkan berkata, JPPM mengemukakan cadangan itu dengan alasan jumlah parti politik sedia ada memadai bagi negara membangun muda seperti Malaysia yang hanya ada 28 juta penduduk tetapi tidak semua ada usia sebagai pengundi.